



PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI PERLIS
2008

DITERBITKAN DENGAN PERINTAH




KERAJAAN NEGERI PERLIS

**PENYATA KEWANGAN
2008**

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pegawai di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Perlis yang telah memberikan sumbangan dan kerjasama kepada Perbendaharaan Negeri Perlis dalam menyediakan Penyata Kewangan Negeri Perlis 2008. Syabas dan tahniah kepada semua warga Perbendaharaan Negeri di atas dedikasi dan komitmen dalam menghasilkan Penyata Kewangan ini. Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ketua Audit Negara khususnya Pengarah Audit Negeri Perlis serta semua pegawainya atas nasihat dan kerjasama yang diberikan. Perancangan yang tersusun dan semangat kerja berpasukan semua pihak telah membolehkan Penyata Kewangan Negeri Perlis 2008 disediakan dengan sempurna dan bertepatan masa untuk diaudit serta dibentangkan di Dewan Undangan Negeri.



(DATO' HAJI MUSA BIN HAJI. HASSAN)
Pegawai Kewangan Negeri Perlis

**PENYATA KEWANGAN NEGERI PERLIS
TAHUN 2008**

Penyata

Muka Surat

	KUMPULAN WANG YANG DISATUKAN	
	LAPORAN BENDAHARI NEGERI	1
	Lembaran Imbangan	6
	Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai	7
	Penyata Akaun Memorandum	8
A	Penyata Wang Tunai	9
B	Penyata Pelaburan	10
	AKAUN HASIL YANG DISATUKAN	
C	Penyata Akaun Hasil Disatukan	11
C1	Penyata Hasil	12
C2	Penyata Perbelanjaan Mengurus	13
C2i	Penyata Perbelanjaan Mengurus	23
	AKAUN PINJAMAN YANG DISATUKAN	
D	Penyata Akaun Pinjaman Disatukan	24
	AKAUN AMANAH YANG DISATUKAN	
E	Penyata Akaun Amanah Disatukan	25
E1	Penyata Kumpulanwang Amanah Kerajaan	26
E1a	Penyata Kumpulanwang Pembangunan	27
E1ai	Penyata Perbelanjaan Pembangunan	28
E1aii	Penyata Perbelanjaan Pembangunan	46
E1b	Penyata Kumpulanwang Amanah Bekalan Air	47
E1bi	Penyata Perbelanjaan Mengurus Bekalan Air	48
E1bii	Penyata Perbelanjaan Pembangunan Bekalan Air	49
E1c	Penyata Pelbagai Kumpulanwang Amanah Kerajaan	51
E2	Penyata Kumpulanwang Amanah Awam	54
E3	Penyata Akaun Wang Deposit	55
	AKAUN MEMORANDUM	
F	Penyata Akaun Memorandum Aset	57
F1	Penyata Akaun Memorandum Pinjaman Boleh Dituntut	58
F1a	Penyata Ringkas Akaun Memorandum Pinjaman Boleh Dituntut Badan Berkanun	59
F1b	Penyata Lengkap Akaun Memorandum Pinjaman Boleh Dituntut Dari Badan Berkanun	60
F2	Penyata Ringkas Tunggalan Hasil	61
G	Penyata Akaun Memorandum Liabiliti	62
G1	Penyata Akaun Memorandum Hutang Awam	63
G1a	Penyata Ringkas Hutang Awam Negeri	64
	NOTA KEPADA AKAUN AWAM	70



PENYATA KEWANGAN NEGERI PERLIS

Penyata Kewangan Negeri Perlis disediakan setiap tahun mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Prosedur Kewangan, 1957 (Disemak - 1972). Penyata ini disediakan dengan mengakaunkan segala sumber dan penggunaan punca kewangan seperti yang diperuntukkan oleh Dewan Undangan Negeri melalui rekod-rekod yang diselenggarakan oleh Perbendaharaan Negeri Perlis.

Penyata Kewangan Negeri Perlis bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2008 telah dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara pada 26 Mac 2009. Penyata ini telah diaudit mengikut peruntukan Akta Audit 1957 dan telah diberi Sijil Bersih oleh Ketua Audit Negara pada 1 Julai 2009.

Penyata Kewangan Negeri Perlis 2008 mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wangtunai, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Akaun. Lembaran Imbangan disokong dengan Penyata Aset dan Penyata Kumpulanwang Disatukan manakala Penyata Akaun Memorandum disokong oleh Penyata Memorandum Aset dan Penyata Akaun Memorandum Liabiliti.



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI PERLIS
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008**

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis bagi tahun berakhir 31 Disember 2008 telah diaudit atas arahan saya selaras dengan Akta Audit 1957. Pihak pengurusan Kerajaan Negeri adalah bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini dan bertanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut. Pengauditan telah dilaksanakan dengan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Perlis pada 31 Disember 2008; hasil operasi serta aliran tunai bagi tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan. Rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMIR BIN BUANG)
Ketua Audit Negara
Malaysia.

Putrajaya
1 Julai 2009





LAPORAN BENDAHARI NEGERI



KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Prestasi Belanjawan

Belanjawan tahun 2008 yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri pada 21 November 2007, memperuntukan sebanyak RM 196.82 juta dimana RM 126.82 juta adalah bagi perbelanjaan mengurus dan RM 70.00 juta bagi perbelanjaan pembangunan. Bajet 2008 juga telah menganggarkan jumlah kutipan hasil sebanyak RM 66.00 juta. Dewan Undangan Negeri seterusnya telah membenarkan tambahan sebanyak RM 10.08 juta untuk perbelanjaan mengurus.

Jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan bagi tahun 2008 adalah sebanyak RM 141.46 juta iaitu 68.37% daripada peruntukan berjumlah RM 206.90 juta. Perbelanjaan mengurus adalah berjumlah RM 90.13 juta iaitu terdiri daripada perbelanjaan tanggungan sebanyak RM 8.02 juta dan perbelanjaan bekalan sebanyak RM 82.11 juta. Perbelanjaan pembangunan pula berjumlah RM 51.33 juta

Kutipan hasil bagi tahun 2008 berjumlah RM 77.44 juta, iaitu 17.33% lebih tinggi dari Anggaran Belanjawan 2008 sebanyak RM 66.00 juta.

Jadual 1 mengandungi ringkasan prestasi belanjawan Kerajaan Negeri Perlis bagi tahun 2008.

**JADUAL 1 :
PRESTASI BELANJAWAN KERAJAAN NEGERI PERLIS**

	TAHUN 2008				TAHUN 2007			
	Anggaran RM Juta	Sebenar RM Juta	Varian RM Juta	%	Anggaran RM Juta	Sebenar RM Juta	Varian RM Juta	%
Hasil	65.89	77.44	11.55	17.53	64.72	67.51	2.79	4.31
Belanja Mengurus	136.90	90.13	(46.77)	(34.16)	123.20	76.89	(46.31)	(37.59)
Lebihn/ (kurangan) Akaun Semasa	(71.01)	(12.68)	58.32	51.69	(58.48)	(9.38)	49.10	41.90
Perbelanjaan Pembangunan	70.00	51.33	(18.67)	(26.67)	63.80	52.86	(10.94)	(17.15)

Prestasi Kewangan

Operasi kewangan bagi tahun 2008 berakhir dengan defisit (kurangan) sebanyak RM 12.68 juta, di mana jumlah hasil yang dipungut adalah sebanyak RM 77.44 juta berbanding perbelanjaan mengurus sebanyak RM 90.13 juta. Dengan kekurangan sebanyak RM 12.68 juta, menjadikan jumlah defisit terkumpul dalam Akaun Hasil Disatukan telah bertambah sebanyak 10.48% iaitu daripada RM 121.07 juta dalam tahun 2007 kepada RM 133.76 juta dalam tahun 2008.

Akaun Kumpulanwang Pembangunan menunjukkan kekurangan sebanyak RM 16.51 juta dimana jumlah terimaan adalah sebanyak RM 34.82 juta berbanding perbelanjaan sebanyak RM 51.33 juta. Jika

diambil kira baki dalam akaun ini, secara keseluruhannya kedudukan kewangan Negeri Perlis bagi tahun 2008 berakhir dengan kurangan sebanyak RM 29.20 juta. Meningkat sebanyak 62.67% daripada baki keseluruhan tahun 2007.

Ringkasan kedudukan sebenar kewangan Kerajaan Negeri Perlis bagi tahun 2008 dan 2007 ditunjukkan dalam Jadual 2.

**JADUAL 2 :
RINGKASAN KEWANGAN SEBENAR
KERAJAAN NEGERI PERLIS**

BUTIR-BUTIR	TAHUN 2008 (RM JUTA)	TAHUN 2007 (RM JUTA)
AKAUN HASIL DISATUKAN		
Hasil	77,444,636.07	67,505,383.08
Perbelanjaan Mengurus	99,126,392.29	76,888,693.90
Lebihn / (Defisit) Akaun Semasa	(12,681,756.22)	(9,383,310.82)
AKAUN KUMPULANWANG PEMBANGUNAN		
Terimaan	34,817,334.56	44,296,595.58
Perbelanjaan Pembangunan	51,334,155.04	52,859,597.08
Lebihn / (Defisit) Akaun Pembangunan	(16,516,820.48)	(8,563,001.50)
Lebihn / (Defisit) Akaun Pembangunan	(29,198,576.70)	(17,946,312.32)


LEMBARAN IMBANGAN

Lembaran Imbangan Kerajaan Negeri menunjukkan jumlah aset yang terdiri daripada wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi ke tiga-tiga akaun kumpulanwang yang disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Jumlah pelaburan yang ditunjukkan merupakan pelaburan yang dibuat daripada labihan Akaun Amanah Disatukan dalam bentuk simpanan tetap di institusi-institusi kewangan yang dibenarkan oleh Perbendaharaan Malaysia.

Jumlah aset yang dilaporkan dalam Lembaran Imbangan seperti pada 31 Disember 2008 adalah sebanyak RM 35.52 juta berbanding RM 36.69 juta dalam tahun 2007, iaitu berlaku pengurangan sebanyak RM 1.17 juta. Pegangan dalam bentuk wang tunai meningkat sebanyak RM 19.83 juta iaitu daripada RM 11.69 juta dalam tahun 2007 kepada RM 31.52 juta dalam tahun 2008. Manakala komponen pelaburan telah mengalami pengurangan ketara sebanyak 84.00% iaitu daripada RM 25.00 juta dalam tahun 2007 kepada RM 4.00 juta pada tahun 2008.

Carta 1 menunjukkan kedudukan baki Kumpulanwang Disatukan bagi tempoh 5 tahun.

CARTA 1



AKAUN HASIL DISATUKAN

Hasil Negeri

Kutipan hasil Kerajaan Negeri bagi tahun 2008 adalah sebanyak RM 77.44 juta, iaitu berlaku peningkatan sebanyak RM 9.94 juta atau 14.73% berbanding kutipan tahun 2007 sebanyak RM 67.50 juta. Daripada jumlah tersebut, Terimaan Bukan Hasil merupakan komponen kutipan terbesar iaitu sebanyak 45.30% (RM 35.08 juta), diikuti Hasil Bukan Cukai sebanyak 39.72% (RM 30.76 juta) dan Hasil Cukai sebanyak 14.98% (RM 11.60 juta).

Hasil Cukai

Pungutan Hasil Cukai bagi tahun 2008 adalah sebanyak RM 11.60 juta iaitu berlaku peningkatan sebanyak 10.27% berbanding kutipan 2007 sebanyak RM 10.52 juta. Sumber kutipan terbesar ialah cukai tanah iaitu sebanyak 76.12% (RM 8.83 juta), diikuti kutipan cukai keluaran hutan sebanyak 17.41% (RM 2.02 juta) dan cukai parit dan taliair sebanyak 6.47% (RM 0.75 juta).

Hasil Bukan Cukai


Kutipan Hasil Bukan Cukai dalam tahun 2008 berjumlah RM 30.76 juta iaitu berlaku pengurangan sebanyak RM 1.06 juta berbanding RM 31.82 juta yang diperolehi dalam tahun 2007. Pengurangan ini berpunca daripada penurunan dalam perolehan dari jualan barang-barang sebanyak RM 0.68 juta dan kutipan sewaan sebanyak RM 0.47 juta. Hasil keuntungan daripada pelaburan dalam simpanan tetap juga telah menurun sebanyak RM 0.12 juta kepada RM 1.08 juta, manakala kutipan lesen dan bayaran denda masing-masing menurun sebanyak 3.19% dan 25.00%. Manakala kutipan di bawah komponen Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan telah meningkat sebanyak 21.73% iaitu daripada RM 2.13 juta kepada 2.59 juta.

Terimaan Bukan Hasil

Terimaan Bukan Hasil bagi tahun 2008 berjumlah RM 35.08 juta. Jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM 9.92 juta berbanding kutipan 2007 sebanyak RM 25.16 juta. Peningkatan ini berlaku kerana terdapat pertambahan sebanyak 39.55% di bawah komponen Terimaan Dari Agensi Kerajaan iaitu dari RM 25.06 juta dalam tahun 2007 kepada RM 34.97 juta dalam tahun 2008. Ini adalah kerana dalam tahun 2008, Kerajaan Negeri telah menerima pemberian berdasarkan kekurangan hasil (Defisit Grant) tahun 2007 berjumlah RM 7.23 juta.

Jumlah kutipan hasil Kerajaan Negeri mengikut komponen bagi tahun 2008 ditunjukkan dalam Carta 2 manakala Carta 3 menunjukkan prestasi kutipan bagi ketiga-tiga komponen dalam tempoh 5 tahun.

CARTA 2



CARTA 3



Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri dalam tahun 2008 berjumlah RM 90.13 juta iaitu 65.83% daripada jumlah yang diperuntukan oleh Dewan Undangan Negeri. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM 8.02 juta merupakan Perbelanjaan tanggungan manakala sejumlah RM 82.11 juta merupakan Perbelanjaan Bekalan. Jika dibandingkan dengan jumlah perbelanjaan mengurus yang dilakukan dalam tahun 2007 iaitu sebanyak RM 76.90 juta, didapati berlaku peningkatan sebanyak 17.22% atau RM 13.24 juta.

Ringkasan perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri mengikut komponen perbelanjaan ditunjukkan dalam Jadual 3.

JADUAL 3 :
PERBELANJAAN MENGURUS
KERAJAAN NEGERI PERLIS

KOMPONEN PERBELANJAAN	TAHUN 2008		TAHUN 2007	
	JUMLAH (RM JUTA)	%	JUMLAH (RM JUTA)	%
10000 Emolumen	27.93	30.99	24.36	31.68
20000 Perkhidmatan dan Bekalan	34.37	38.13	29.27	38.06
30000 Aset	2.08	2.31	1.15	1.49
40000 Pemberian dan Kenaan Tetap	24.41	28.19	21.81	28.37
50000 Lain-lain Perbelanjaan	0.34	0.38	0.31	0.40
JUMLAH	90.13	100.00	76.90	100.00

Perbelanjaan Emolumen sebanyak RM 27.93 juta merupakan 30.99% daripada keseluruhan perbelanjaan mengurus bagi tahun 2008. Iaitu berlaku peningkatan sebanyak 14.66% berbanding perbelanjaan tahun 2007 berjumlah RM 24.36 juta.


Perbelanjaan Perkhidmatan dan Bekalan berjumlah RM 34.37 juta merupakan komponen perbelanjaan mengurus tertinggi dalam tahun 2008 iaitu sebanyak 38.13%. Walau bagaimanapun, perbelanjaan ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM 8.86 juta berbanding perbelanjaan dalam tahun 2007 sebanyak RM 29.27 juta. Perbelanjaan ini merangkumi perbelanjaan penyelenggaraan, sewaan, pengangkutan dan perjalanan, bayaran utiliti serta perbelanjaan bekalan bahan mentah.

Perbelanjaan perolehan Aset berjumlah RM 2.08 juta merupakan 2.31% daripada keseluruhan perbelanjaan mengurus 2008. Jika dibandingkan dengan tahun 2007 yang berjumlah RM 1.15 juta, didapati berlaku peningkatan sebanyak 80.87% kerana dalam tahun 2008 Kerajaan Negeri telah membeli sejumlah lapan (8) buah kenderaan bagi kegunaan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (AMMK).


Perbelanjaan Pemberian dan Kenaan Tetap merangkumi perbelanjaan untuk bayaran balik hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan, bayaran pencen dan ganjaran serta pemberian dan bantuan lain. Dalam tahun 2008 perbelanjaan di bawah komponen ini berjumlah RM 25.41 juta iaitu merupakan 28.19% daripada keseluruhan perbelanjaan mengurus 2008. Perbelanjaan ini menunjukkan peningkatan sebanyak 16.51% berbanding perbelanjaan 2007 berjumlah RM 21.81 juta kerana berlaku peningkatan dalam bayaran pencen ADUN/AMMK.

Carta 4 menunjukkan komponen komponen Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 2008 manakala corak aliran Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri bagi tempoh 5 tahun ditunjukkan dalam Carta 5.

CARTA 4



CARTA 5



AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Akaun Pinjaman Disatukan ditubuhkan mengikut Perkara 99 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(b) Akta Prosedur Kewangan 1957 (Disemak 1972) bagi mengakaunkan semua terimaan pinjaman, bayaran balik dan pindahan pinjaman yang diterima ke Kumpulanwang Pembangunan dan Kumpulanwang Bekalan Air. Sumber pinjaman Kerajaan Negeri adalah daripada Kerajaan Persekutuan. Dalam tahun 2008, Kerajaan Negeri telah menerima pinjaman berjumlah RM 93.18 juta iaitu sebanyak RM 66.18 juta untuk Projek Bekalan Air dan sebanyak RM 27.00 juta untuk Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis (PKENPs). Sehingga 31 Disember 2008 akaun ini berbaki RM 7.00 juta kerana pinjaman yang diterima pada hujung tahun tidak sempat disalurkan kepada PKENPs.

AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulanwang Amanah Kerajaan, Kumpulanwang Amanah Awam dan Akaun Deposit. Sehingga 31 Disember 2008 akaun ini berbaki RM 162.28 juta berbanding RM 157.76 juta pada 31 Disember 2006.

Kumpulanwang Amanah Kerajaan

Akaun yang termasuk dalam kumpulanwang ini adalah yang ditubuhkan di bawah Seksyen 10 Akta Prosedur Kewangan 1957. Akaun-akaun yang dikategorikan di bawah kumpulanwang ini termasuklah Kumpulanwang Pembangunan, Kumpulanwang Bekalan Air dan Akaun Kena bayar.

Dalam tahun 2008 akaun ini berbaki kredit sebanyak RM 73.01 juta iaitu berlaku pengurangan sebanyak RM 11.12 juta berbanding RM 84.13 juta pada tahun 2007 berpunca dari pengurangan dalam Kumpulanwang Pembangunan sebanyak 41.54%.


Kumpulanwang Pembangunan

Kumpulanwang Pembangunan telah diwujudkan mengikut Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 (Akta 70) bagi membiayai perbelanjaan berkaitan projek-projek pembangunan. Jumlah terimaan kumpulanwang ini dalam tahun 2008 adalah sebanyak RM 34.82 juta iaitu berlaku pengurangan sebanyak RM 9.48 juta berbanding RM 44.30 juta yang diterima dalam tahun 2007. Pengurangan ini berpunca daripada penurunan dalam terimaan Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi Dan Kesejahteraan Hidup (TAHAP) dan Pemberian Pertambahan Hasil masing-masing sebanyak 17.30% dan 33.28% berbanding terimaan dalam tahun 2007.

Sumber kumpulanwang ini terdiri daripada Pemberian Pertambahan Hasil berjumlah RM 13.57 juta, Pemberian TAHAP berjumlah RM 18.31 juta, Bayaran Ansuran Perumahan Awam berjumlah RM 1.41 juta dan Bayaran Terus Harga Rumah Kos Rendah Dari Bank berjumlah RM 1.53 juta. Manakala perbelanjaan pembangunan dalam tahun 2008 berjumlah RM 51.33 juta berbanding RM 52.86 juta pada tahun 2007. Dengan jumlah terimaan sebanyak RM 34.82 juta berbanding perbelanjaan RM 51.33 juta, kumpulanwang ini mencatatkan defisit sebanyak RM 16.52 juta menjadikan baki terkumpul Kumpulanwang Pembangunan telah berkurangan sebanyak 41.54% kepada RM 23.25 juta berbanding RM 39.77 juta dalam tahun 2007.

Carta 6 menunjukkan jumlah terimaan berbanding perbelanjaan Kumpulanwang Pembangunan bagi tempoh 5 tahun manakala Jadual 4 menunjukkan prestasi perbelanjaan pembangunan yang telah dilakukan oleh unit-unit pembangunan Negeri berbanding jumlah peruntukan yang telah diluluskan dalam tahun 2008.

CARTA 6



JADUAL 4 :
PRESTASI PERBELANJAAN BERBANDING
PERUNTUKAN BAGI TAHUN 2008

UNIT PEMBANGUNAN	PERUNTUKAN (RM JUTA)	PERBELANJAAN (RM JUTA)	%
P04 Setiausaha Kerajaan Negeri Ps.	21.84	14.20	65.02
P09 Jabatan Kerja Raya Negeri Ps.	16.22	8.83	54.44
P11 Jabatan Pertanian Negeri Ps.	6.30	6.12	97.14
P12 Jabatan Perkhidmatan Veterinar	6.94	4.78	68.88
P13 Jabatan Pengairan & Saliran	13.50	12.42	92.00
P23 Jabatan Perhutanan Negeri Ps.	5.20	4.98	95.77
JUMLAH	70.00	51.33	73.33

Kumpulanwang Bekalan Air

Kumpulanwang Bekalan Air ditubuhkan mengikut kehendak Enakmen Kumpulan Wang Bekalan Air di bawah Jabatan Kerja Raya. Sumber kewangan kumpulanwang ini terdiri daripada caruman dari Akaun Hasil Disatukan dan pindahan dari Akaun Pinjaman Disatukan.

Peruntukan untuk perbelanjaan mengurus dan pembangunan bekalan air bagi tahun 2008 berjumlah RM 95.10 juta. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM 10.64 juta telah dibelanjakan untuk perbelanjaan mengurus manakala sebanyak RM 74.78 juta untuk pembangunan bekalan air. Secara keseluruhannya didapati perbelanjaan di bawah kumpulanwang ini telah meningkat sebanyak 69.92% daripada perbelanjaan tahun sebelumnya. Sebahagian besar peruntukan digunakan bagi membiayai pembinaan Logi Air Arau Fasa IV dan perbelanjaan untuk membaik pulih sistem agihan bekalan air keseluruh negeri perlis.

Operasi Kumpulanwang Bekalan Air 2008 berakhir dengan defisit sebanyak RM 6.32 juta, apabila jumlah terimaan yang dicatatkan adalah sebanyak RM 79.11 juta berbanding jumlah perbelanjaan sebanyak RM 85.42 juta. Dengan defisit ini menjadikan baki defisit terkumpul Kumpulanwang Bekalan Air meningkat daripada RM 31.36 juta dalam tahun 2007 kepada RM 37.68 juta pada akhir tahun 2008.

Penyata pendapatan dan perbelanjaan kumpulanwang ini ditunjukkan dalam Penyata E1b Penyata Kewangan 2008.

Pelbagai Kumpulanwang Amanah Kerajaan

Terdapat 5 kategori akaun dikelaskan di bawah Pelbagai Kumpulanwang Amanah Kerajaan iaitu Akaun Penyelesaian, Akaun Perniagaan, Akaun Pinjaman, Kumpulan Wang Luar Jangka dan Pelbagai Kumpulanwang. Baki Pelbagai Kumpulanwang Amanah Kerajaan pada akhir tahun 2008 berjumlah RM 87.44 juta berbanding RM 75.72 juta pada akhir tahun 2007 iaitu berlaku peningkatan sebanyak 15.48%. Peningkatan berlaku disebabkan oleh pertambahan dalam baki Akaun Kena Bayar sebanyak RM 6.27 juta.


Akaun Pendahuluan Dari Kerajaan Persekutuan.

Akaun ini diselenggara bagi mengakaunkan pendahuluan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan bagi mengatasi masalah aliran wang tunai Kerajaan Negeri. Pada akhir tahun 2008 akaun ini masih berbaki RM 28.82 juta kerana tiada bayaran balik dibuat disebabkan Kerajaan Negeri mengalami masalah aliran tunai.

Akaun Kena Bayar.

Akaun Kena Bayar merupakan jumlah tanggungan Kerajaan Negeri terhadap pelbagai bekalan dan perkhidmatan yang diterima dan disempurnakan sehingga 31 Disember 2008 tetapi dibuat bayaran dalam bulan Januari 2009. Jumlah perbelanjaan Akaun Kena Bayar 2008 meningkat sebanyak RM 6.27 juta menjadi RM 29.29 juta pada tahun 2008 berbanding RM 23.02 juta pada akhir tahun 2007. Perbandingan perbelanjaan di bawah Akaun Kena Bayar bagi tempoh 2004 hingga 2008 ditunjukkan dalam Carta 7 di bawah

CARTA 7



Kumpulanwang Amanah Awam

Kumpulanwang ini ditubuhkan di bawah Seksyen 9 Akta Prosedur Kewangan 1957 untuk mengaunkan kumpulanwang khas yang diamanahkan kepada Kerajaan Negeri serta wang amanah yang diterima bagi maksud-maksud tertentu. Pada tahun 2008 Kerajaan Negeri mempunyai 19 akaun amanah awam yang dikawal oleh 7 jabatan iaitu Perbendaharaan Negeri (3), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (11), Jabatan Hal Ehwal Agama Islam (1), Jabatan Perhutanan (1), Jabatan Pertanian (1), Jabatan Perkhidmatan Haiwan (1) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (1).

Baki terkumpul Kumpulanwang Amanah Awam bagi tahun 2008 berjumlah RM 53.48 juta berbanding sebanyak RM 42.24 juta dalam tahun 2007.

Deposit

Deposit terdiri daripada wang yang diterima oleh Kerajaan Negeri bagi maksud tertentu mengikut undang-undang atau perjanjian dan perlu dikembalikan apabila maksud kutipan telah tercapai. Baki akaun ini pada akhir tahun 2008 berjumlah RM 35.78 juta. Butiran terperinci akaun deposit boleh dirujuk pada Penyata E3 Penyata Kewangan 2008.

AKAUN MEMORANDUM

Akaun Memorandum menunjukkan akaun aset dan tanggungan Kerajaan Negeri yang tidak menjadi sebahagian daripada Kumpulanwang Yang Disatukan dan tidak diambil kira dalam Lembaran Imbangan. Penyata yang berkaitan dengan aset adalah Penyata Pinjaman Boleh Dituntut dan Penyata Tunggakan Hasil manakala yang berkaitan dengan tanggungan pula ialah Penyata Hutang Awam.

Pinjaman Boleh Tuntut

Baki Pinjaman Boleh Tuntut sehingga 31 Disember 2008 berjumlah RM 40.89 juta berbanding RM 24.10 juta pada tahun 2007. Butiran terperinci ditunjukkan dalam Penyata F1 Penyata Kewangan 2008.

Tunggakan Hasil

Jumlah Tunggakan Hasil Kerajaan Negeri pada akhir tahun 2008 adalah sebanyak RM 26.37 juta berbanding RM 26.67 juta pada tahun 2007. Laporan terperinci ditunjukkan dalam Penyata F2 Penyata Kewangan 2008.

Hutang Awam

Pada akhir tahun 2008, baki hutang Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan berjumlah RM 327.64 juta berbanding RM 238.53 juta pada tahun 2007. Butiran terperinci ditunjukkan dalam Penyata G1a Penyata Kewangan 2008.



**KUMPULANWANG YANG
DISATUKAN**




Lembaran Imbangan
seperti pada 31 Disember 2008

Penyata	Nota	2008 RM	2007 RM
WANG AWAM			
A	WANG TUNAI	31,519,347.87	11,688,422.96
B	PELABURAN	4,000,000.00	25,000,000.00
		<u>35,519,347.87</u>	<u>36,688,422.96</u>
DIPEGANG BAGI:			
KUMPULAN WANG DISATUKAN			
C	AKAUN HASIL DISATUKAN	(133,756,149.81)	(121,074,393.59)
D	AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	7,000,000.00	0.00
E	AKAUN AMANAH DISATUKAN	162,275,497.68	157,762,816.55
		<u>35,519,347.87</u>	<u>36,688,422.96</u>

Lembaran Imbangan ini hendaklah dibaca bersama dengan penyata dan nota yang dilampirkan



DATO' HJ. MUSA B. HJ. HASSAN
PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
PERLIS



ROHANI BT. CHE MIE
BENDAHARI NEGERI / AKAUNTAN NEGERI
PERLIS

Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wangtunai
seperti pada 31 Disember 2008

TERIMAAN			
Hasil	Penyata C	(RM)	(RM)
Hasil Cukai		11,602,938.37	
Hasil Bukan Cukai		30,762,206.81	
Terimaan Bukan Cukai		35,079,490.89	77,444,636.07
Pinjaman	Penyata D		
Pinjaman Dalam Negeri		27,078,837.60	27,078,837.60
Pinjaman Luar Negeri			
Terimaan Modal	Penyata E1a		
Terimaan Balik Pinjaman		2,938,600.56	
Jualan Aset Modal		0.00	
Pelbagai Terimaan Modal		31,878,734.00	34,817,334.56
Lain-Lain Terimaan	Penyata E		
Terimaan Amanah		21,029,501.61	21,029,501.61
Jumlah Terimaan			160,370,309.84
BAYARAN			
Perbelanjaan Mengurus	Penyata C		
Emolumen		(27,932,323.04)	
Perkhidmatan Dan Bekalan		(34,370,107.33)	
Aset		(2,080,357.73)	
Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap		(25,407,596.59)	
Perbelanjaan Lain		(336,007.60)	(90,126,392.29)
Perbelanjaan Pembangunan	Penyata E1a		
Langsung		(51,334,155.04)	
Pinjaman		0.00	(51,334,155.04)
Perbelanjaan Modal	Penyata B		
Pembelian Instrumen Kewangan		21,000,000.00	21,000,000.00
Bayaran Balik Pinjaman	Penyata D		
Pinjaman Dalam Negeri		(20,078,837.60)	(20,078,837.60)
Pinjaman Luar Negeri			
Lain-Lain Bayaran	Penyata E		
Bayaran Amanah		0.00	0.00
Jumlah Bayaran			(140,539,384.93)
Tambah / (Kurangan) Wangtunai			19,830,924.91
Wangtunai pada 01 Januari 2008	Penyata A		11,688,422.96
JUMLAH WANGTUNAI PADA 31 DISEMBER 2008			31,519,347.87

Penyata Akaun Memorandum

seperti pada 31 Disember 2008

Penyata	Nota	2008	2007
F	ASET		
I	Pinjaman Boleh Tuntut	40,889,488.14	24,103,488.14
II	Tunggakan Hasil	26,368,239.88	26,673,824.78
G	TANGGUNGAN		
I	Hutang Awam	327,642,201.08	238,532,831.48

Penyata Akaun Memorandum ini hendaklah dibaca bersama dengan penyata dan nota yang dilampirkan



DATO' HJ. MUSA B. HJ. HASSAN
PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
PERLIS



ROHANI BT. CHE MIE
BENDAHARI NEGERI / AKAUNTAN NEGERI
PERLIS

A **Penyata Wangtunai**
seperti pada 31 Disember 2008

Perihal	2008	2007
	Debit/(Kredit) RM	Debit/(Kredit) RM
I WANG TUNAI DALAM BANK	31,119,481.05	11,152,207.05
II WANG TUNAI DALAM PERJALANAN	391,109.27	478,165.91
III WANG TUNAI DALAM TANGAN	8,757.55	58,050.00
JUMLAH WANG TUNAI	31,519,347.87	11,688,422.96

B **Penyata Pelaburan**
seperti pada 31 Disember 2008

Perihal	Nilai Buku 2008 RM	Nilai Buku 2007 RM
I DEPOSIT	4,000,000.00	25,000,000.00
JUMLAH DEPOSIT	4,000,000.00	25,000,000.00
JUMLAH PELABURAN	4,000,000.00	25,000,000.00



AKAUN HASIL YANG DISATUKAN



C

Penyata Akaun Hasil Disatukan
seperti tahun berakhir 31 Disember 2008

Perihal	2008			2007	
	Belanjawan	Sebenar		Sebenar	
	RM	RM	% Belanjawan	RM	% Belanjawan
BAKI PADA 1 JANUARI		(121,074,393.59)		(111,691,082.77)	
I HASIL					
Hasil Cukai	10,242,910.00	11,602,938.37	113.28	10,522,468.55	94.42
Hasil Bukan Cukai	26,540,400.00	30,762,206.81	115.91	31,819,205.49	125.41
Terimaan Bukan Hasil	29,108,650.00	35,079,490.89	120.51	25,163,709.04	89.21
Jumlah Hasil	65,891,960.00	77,444,636.07	117.53	67,505,383.08	104.30
II PERBELANJAAN MENGURUS					
Emolumen	30,550,380.00	27,932,323.04	91.43	24,356,640.38	95.95
Perkhidmatan Dan Bekalan	35,961,113.58	34,370,107.33	95.58	29,265,195.64	93.82
Aset	2,174,802.00	2,080,357.73	95.66	1,145,063.18	90.38
Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	67,871,075.00	25,407,596.59	37.44	21,811,865.40	33.63
Perbelanjaan Lain	345,000.00	336,007.60	97.39	309,929.30	61.86
Jumlah Perbelanjaan Mengurus	136,902,370.58	90,126,392.29	65.83	76,888,693.90	62.41
Lebih / (Defisit) Bagi Tahun (I - II)	(71,010,410.58)	(12,681,756.22)		(9,383,310.82)	
BAKI PADA 31 DISEMBER		(133,756,149.81)		(121,074,393.59)	

Butir Lanjut : Penyata C1 dan C2

C1

Penyata Hasil bagi tahun berakhir 31 Disember 2008

Perihal	2008				2007	
	Belanjawan Asai RM	Belanjawan Disemak RM	Sebenar RM	% Belanjawan	Sebenar RM	% Belanjawan
60000 HASIL CUKAI						
61400 Cukai Tanah	7,510,020.00	7,510,020.00	8,826,743.81	117.53	7,673,096.00	95.47
61600 Cukai Parit Dan Taliair	730,000.00	730,000.00	752,841.53	103.13	726,695.95	90.84
61700 Cukai Keluaran Hutan	2,002,000.00	2,002,000.00	2,023,353.03	101.07	2,121,986.60	92.02
62800 Cukai Hiburan	890.00	890.00	0.00	.00	690.00	65.09
Jumlah Hasil Cukai	10,242,910.00	10,242,910.00	11,602,938.37	113.28	10,522,468.55	94.42
70000 HASIL BUKAN CUKAI						
71000 Lesen, Bayaran Pendaftaran Dan Permit	4,769,610.00	4,661,570.00	5,762,140.97	123.61	5,953,143.76	136.36
72000 Perkhidmatan Dan Bayaran Perkhidmatan	2,721,540.00	2,721,540.00	2,578,655.15	94.75	2,127,632.49	75.38
73000 Perolehan Dari Jualan Barang-Barang	17,735,860.00	17,735,860.00	18,478,269.62	104.19	19,161,011.72	111.80
74000 Sewaan	146,930.00	146,930.00	2,744,461.06	1867.87	3,216,073.38	2563.02
75000 Keuntungan Pembiayaan Dan Perolehan Pelaburan	1,000,480.00	1,000,480.00	1,083,593.76	108.31	1,201,216.14	185.82
76000 Denda Dan Hukuman	274,020.00	274,020.00	115,086.25	42.00	160,128.00	58.44
Jumlah Hasil Bukan Cukai	26,648,440.00	26,540,400.00	30,762,206.81	115.91	31,819,205.49	125.41
80000 TERIMAAN BUKAN HASIL						
81000 Pulangan Balik Perbelanjaan	8,610.00	8,610.00	111,369.27	1293.49	103,394.97	1458.32
82000 Terimaan Dari Agensi Kerajaan	29,100,040.00	29,100,040.00	34,968,121.62	120.17	25,060,314.07	88.87
Jumlah Terimaan Bukan Hasil	29,108,650.00	29,108,650.00	35,079,490.89	120.51	25,163,709.04	89.21
JUMLAH HASIL	66,000,000.00	65,891,960.00	77,444,636.07	117.53	67,505,383.08	104.30

Maksud Perbelanjaan	2008			
	Belanjawan Asal	Belanjawan Disemak	Sebenar	% Belanjawan
	RM	RM	RM	
PERBELANJAAN TANGGUNGAN				
PEJABAT DULI YANG MAHA MULIA TUANKU RAJA				
DYMM TUANKU RAJA				
Emolumen	539,000.00	539,000.00	538,200.00	99.85
Perkhidmatan Dan Bekalan	749,000.00	1,755,361.58	1,366,262.44	77.83
Aset	20,000.00	20,000.00	18,512.25	92.56
JUMLAH DYMM TUANKU RAJA	1,308,000.00	2,314,361.58	1,922,974.69	83.09
YMM RAJA PUAN BESAR/KERABAT				
Emolumen	42,000.00	42,000.00	38,500.00	91.67
Perkhidmatan Dan Bekalan	42,300.00	42,300.00	32,399.00	76.59
Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	107,700.00	107,700.00	101,200.00	93.96
JUMLAH YMM RAJA PUAN BESAR/KERABAT	192,000.00	192,000.00	172,099.00	89.63
JUMLAH PEJABAT DULI YANG MAHA MULIA TUANKU RAJA	1,500,000.00	2,506,361.58	2,095,073.69	83.59
PEJABAT DYTm RAJA MUDA				
DYTm RAJA MUDA				
Emolumen	238,200.00	238,200.00	196,200.00	82.37
Perkhidmatan Dan Bekalan	146,800.00	297,800.00	293,622.20	98.60
Aset	12,000.00	12,000.00	6,937.00	57.81
JUMLAH DYTm RAJA MUDA	397,000.00	548,000.00	496,759.20	90.65
JUMLAH PEJABAT DYTm RAJA MUDA	397,000.00	548,000.00	496,759.20	90.65
PENGETUA DEWAN				
UNIT PENTADBIRAN DAN KEWANGAN				
Emolumen	137,000.00	137,000.00	127,540.08	93.09
JUMLAH UNIT PENTADBIRAN DAN KEWANGAN	137,000.00	137,000.00	127,540.08	93.09
JUMLAH PENGETUA DEWAN	137,000.00	137,000.00	127,540.08	93.09
PERBENDAHARAAN NEGERI PERLIS				
UNIT AKAUN				
Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	41,000,000.00	41,000,000.00	685,549.45	1.67

Maksud Perbelanjaan	2008			
	Belanjawan Asal	Belanjawan Disemak	Sebenar	% Belanjawan
	RM	RM	RM	
JUMLAH UNIT AKAUN	41,000,000.00	41,000,000.00	685,549.45	1.67
JUMLAH PERBENDAHARAAN NEGERI PERLIS	41,000,000.00	41,000,000.00	685,549.45	1.67
PAMPASAN				
UNIT PENTADBIRAN DAN KEWANGAN				
Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	12,000.00	119,684.00	114,084.44	95.32
JUMLAH UNIT PENTADBIRAN DAN KEWANGAN	12,000.00	119,684.00	114,084.44	95.32
JUMLAH PAMPASAN	12,000.00	119,684.00	114,084.44	95.32
PERBENDAHARAAN NEGERI PERLIS				
UNIT AKAUN				
Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	2,542,000.00	4,643,000.00	4,488,393.76	96.67
Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain	22,000.00	22,000.00	13,007.60	59.13
JUMLAH UNIT AKAUN	2,564,000.00	4,665,000.00	4,501,401.36	96.49
JUMLAH PERBENDAHARAAN NEGERI PERLIS	2,564,000.00	4,665,000.00	4,501,401.36	96.49
JUMLAH PERBELANJAAN TANGGUNGAN	45,610,000.00	48,976,045.58	8,020,408.22	16.38
PERBELANJAAN BEKALAN PEJABAT DULI YANG MAHA MULIA TUANKU RAJA				
UNIT PENTADBIRAN				
Emolumen	261,000.00	237,300.00	228,524.50	96.30
Perkhidmatan Dan Bekalan	281,000.00	281,000.00	274,463.15	97.67
JUMLAH UNIT PENTADBIRAN	542,000.00	518,300.00	502,987.65	97.05
UNIT ISTANA				
Emolumen	687,000.00	777,100.00	776,566.06	99.93
Perkhidmatan Dan Bekalan	298,000.00	435,800.00	430,550.80	98.80
JUMLAH UNIT ISTANA	985,000.00	1,212,900.00	1,207,116.86	99.52
JUMLAH PEJABAT DULI YANG MAHA MULIA TUANKU RAJA	1,527,000.00	1,731,200.00	1,710,104.51	98.78
DEWAN NEGERI				
UNIT PENTADBIRAN DAN KEWANGAN				
Emolumen	913,000.00	913,000.00	800,662.96	87.70
Perkhidmatan Dan Bekalan	331,000.00	331,000.00	98,459.43	29.75

C2

Penyata Perbelanjaan Mengurus

bagi tahun berakhir 31 Disember 2008

Maksud Perbelanjaan	2008			
	Belanjawan Asal	Belanjawan Disemak	Sebenar	% Belanjawan
	RM	RM	RM	
JUMLAH UNIT PENTADBIRAN DAN KEWANGAN	1,244,000.00	1,244,000.00	899,122.39	72.28
JUMLAH DEWAN NEGERI	1,244,000.00	1,244,000.00	899,122.39	72.28
MENTERI BESAR DAN SETIAUSAHA KERAJAAN				
UNIT PENTADBIRAN DAN KEWANGAN				
Emolumen	2,277,000.00	2,267,600.00	2,133,152.84	94.07
Perkhidmatan Dan Bekalan	1,572,000.00	1,728,400.00	1,705,596.62	98.68
Aset	3,000.00	3,000.00	1,668.00	55.60
Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	19,000.00	19,000.00	12,885.18	67.82
JUMLAH UNIT PENTADBIRAN DAN KEWANGAN	3,871,000.00	4,018,000.00	3,853,302.64	95.90
UNIT PENTADBIRAN YAB MENTERI BESAR				
Emolumen	815,000.00	825,000.00	689,214.16	83.54
Perkhidmatan Dan Bekalan	410,000.00	665,500.00	530,328.15	79.69
Aset	15,000.00	15,000.00	14,898.00	99.32
JUMLAH UNIT PENTADBIRAN YAB MENTERI BESAR	1,240,000.00	1,505,500.00	1,234,440.31	82.00
UNIT PENTADBIRAN DEWAN UNDANGAN NEGERI				
Emolumen	1,273,200.00	1,322,200.00	1,219,009.04	92.20
Perkhidmatan Dan Bekalan	582,000.00	883,000.00	870,069.41	98.54
Aset	15,800.00	118,525.00	117,625.00	99.24
JUMLAH UNIT PENTADBIRAN DEWAN UNDANGAN NEGERI	1,871,000.00	2,323,725.00	2,206,703.45	94.96
UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI				
Emolumen	428,000.00	451,800.00	450,152.75	99.64
Perkhidmatan Dan Bekalan	98,000.00	148,400.00	148,090.70	99.79
Aset	7,000.00	7,000.00	7,000.00	100.00
JUMLAH UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI	533,000.00	607,200.00	605,243.45	99.68
UNIT PERUMAHAN DAN KERJAAAN TEMPATAN				
Emolumen	460,000.00	460,000.00	376,326.91	81.81
Perkhidmatan Dan Bekalan	71,000.00	89,200.00	80,336.32	90.06
Aset	10,000.00	10,000.00	5,000.00	50.00

Maksud Perbelanjaan	2008			
	Belanjawan Asal	Belanjawan Disemak	Sebenar	% Belanjawan
	RM	RM	RM	
JUMLAH UNIT PERUMAHAN DAN KERJAAAN TEMPATAN	541,000.00	559,200.00	461,663.23	82.56
UNIT PENTADBIRAN DAERAH				
Emolumen	740,000.00	740,000.00	639,125.98	86.37
Perkhidmatan Dan Bekalan	75,000.00	75,000.00	73,129.24	97.51
Aset	18,000.00	18,000.00	16,048.00	89.16
JUMLAH UNIT PENTADBIRAN DAERAH	833,000.00	833,000.00	728,303.22	87.43
MAJLIS SUKAN NEGERI				
Emolumen	179,000.00	181,200.00	180,626.22	99.68
Perkhidmatan Dan Bekalan	79,000.00	102,700.00	99,030.61	96.43
Aset	3,000.00	3,000.00	2,500.00	83.33
JUMLAH MAJLIS SUKAN NEGERI	261,000.00	286,900.00	282,156.83	98.35
UNIT MUZIUM				
Emolumen	62,000.00	62,000.00	19,330.81	31.18
Perkhidmatan Dan Bekalan	63,000.00	65,100.00	63,800.44	98.00
Aset	2,000.00	2,000.00	1,500.00	75.00
JUMLAH UNIT MUZIUM	127,000.00	129,100.00	84,631.25	65.55
JUMLAH MENTERI BESAR DAN SETIAUSAHA KERAJAAN	9,277,000.00	10,262,625.00	9,456,444.38	92.14
PELBAGAI PERKHIDMATAN				
UNIT PENTADBIRAN DAN KEWANGAN				
Emolumen	280,000.00	280,000.00	280,000.00	100.00
Perkhidmatan Dan Bekalan	7,144,000.00	10,015,226.00	9,837,259.97	98.22
Aset	1,200,000.00	1,520,017.00	1,518,087.80	99.87
Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	6,490,000.00	5,936,497.00	3,964,722.63	66.79
Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain	323,000.00	323,000.00	323,000.00	100.00
JUMLAH UNIT PENTADBIRAN DAN KEWANGAN	15,437,000.00	18,074,740.00	15,923,070.40	88.10
JUMLAH PELBAGAI PERKHIDMATAN	15,437,000.00	18,074,740.00	15,923,070.40	88.10
PERBENDAHARAAN NEGERI PERLIS				
UNIT PENTADBIRAN DAN KEWANGAN				
Emolumen	441,000.00	480,408.91	456,125.10	94.95
Perkhidmatan Dan Bekalan	120,000.00	70,866.00	61,420.64	86.67
Aset	6,600.00	6,600.00	6,300.00	95.45
JUMLAH UNIT PENTADBIRAN DAN KEWANGAN	567,600.00	557,874.91	523,845.74	93.90

Maksud Perbelanjaan	2008			
	Belanjawan Asal	Belanjawan Disemak	Sebenar	% Belanjawan
	RM	RM	RM	
UNIT PERAKAUNAN				
Emolumen	540,000.00	546,591.09	545,069.70	99.72
Perkhidmatan Dan Bekalan	72,700.00	65,700.00	60,194.83	91.62
Aset	3,300.00	3,300.00	3,245.00	98.33
Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	1,900.00	3,034.00	1,244.11	41.01
JUMLAH UNIT PERAKAUNAN	617,900.00	618,625.09	609,753.64	98.57
UNIT PELABURAN				
Emolumen	74,000.00	88,000.00	87,035.24	98.90
Perkhidmatan Dan Bekalan	7,000.00	2,000.00	2,000.00	100.00
Aset	500.00	500.00	0.00	0.00
JUMLAH UNIT PELABURAN	81,500.00	90,500.00	89,035.24	98.38
JUMLAH PERBENDAHARAAN NEGERI PERLIS	1,267,000.00	1,267,000.00	1,222,634.62	96.50
PERBENDAHARAAN NEGERI (CARUMAN)				
UNIT PERAKAUNAN				
Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	12,927,000.00	12,927,000.00	12,926,960.00	100.00
JUMLAH UNIT PERAKAUNAN	12,927,000.00	12,927,000.00	12,926,960.00	100.00
JUMLAH PERBENDAHARAAN NEGERI (CARUMAN)	12,927,000.00	12,927,000.00	12,926,960.00	100.00
JABATAN KERJA RAYA				
UNIT PENTADBIRAN DAN KEWANGAN				
Emolumen	930,000.00	950,000.00	936,442.64	98.57
Perkhidmatan Dan Bekalan	1,073,000.00	1,371,054.00	1,356,942.93	98.97
JUMLAH UNIT PENTADBIRAN DAN KEWANGAN	2,003,000.00	2,321,054.00	2,293,385.57	98.81
BAHAGIAN JALAN				
Emolumen	3,002,000.00	2,737,000.00	2,080,743.00	76.02
Perkhidmatan Dan Bekalan	2,298,000.00	4,132,163.00	4,013,031.24	97.12
JUMLAH BAHAGIAN JALAN	5,300,000.00	6,869,163.00	6,093,774.24	88.71
BAHAGIAN BANGUNAN				
Emolumen	995,000.00	995,000.00	801,409.67	80.54
Perkhidmatan Dan Bekalan	2,129,000.00	2,344,000.00	2,321,290.19	99.03
JUMLAH BAHAGIAN BANGUNAN	3,124,000.00	3,339,000.00	3,122,699.86	93.52

C2

Penyata Perbelanjaan Mengurus

bagi tahun berakhir 31 Disember 2008

Maksud Perbelanjaan	2008			
	Belanjawan Asal	Belanjawan Disemak	Sebenar	% Belanjawan
	RM	RM	RM	
KHIDMAT SOKONGAN				
Emolumen	941,000.00	1,218,000.00	1,210,604.65	99.39
Perkhidmatan Dan Bekalan	2,320,000.00	2,513,883.00	2,426,435.71	96.52
Aset	180,000.00	180,000.00	124,478.00	69.15
JUMLAH KHIDMAT SOKONGAN	3,441,000.00	3,911,883.00	3,761,518.36	96.16
JUMLAH JABATAN KERJA RAYA	13,868,000.00	16,441,100.00	15,271,378.03	92.89
JABATAN PERTANIAN				
BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN				
Emolumen	407,000.00	409,841.00	347,790.96	84.86
Perkhidmatan Dan Bekalan	481,000.00	512,000.00	476,321.12	93.03
JUMLAH BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN	888,000.00	921,841.00	824,112.08	89.40
BAHAGIAN PERANCANGAN DAN KOMODITI				
Emolumen	796,000.00	797,159.00	653,609.87	81.99
Perkhidmatan Dan Bekalan	82,000.00	82,000.00	69,323.55	84.54
JUMLAH BAHAGIAN PERANCANGAN DAN KOMODITI	878,000.00	879,159.00	722,933.42	82.23
BHG. PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA				
Emolumen	772,000.00	768,000.00	661,074.64	86.08
Perkhidmatan Dan Bekalan	460,000.00	492,000.00	448,106.33	91.08
Aset	2,000.00	2,000.00	0.00	0.00
JUMLAH BHG. PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA	1,234,000.00	1,262,000.00	1,109,180.97	87.89
JUMLAH JABATAN PERTANIAN	3,000,000.00	3,063,000.00	2,656,226.47	86.72
JABATAN PERKHIDMATAN HAIWAN				
BAHAGIAN PENTADBIRAN & KEWANGAN				
Emolumen	348,600.00	348,600.00	260,188.80	74.64
Perkhidmatan Dan Bekalan	230,600.00	300,700.00	279,746.45	93.03
Aset	10.00	10.00	0.00	0.00
JUMLAH BAHAGIAN PENTADBIRAN & KEWANGAN	579,210.00	649,310.00	539,935.25	83.16
BAHAGIAN KESIHATAN DAN PEMBANGUNAN INDUSTRI TERNAKAN				
Emolumen	410,000.00	410,000.00	372,536.04	90.86
Perkhidmatan Dan Bekalan	165,000.00	151,000.00	149,322.27	98.89

Maksud Perbelanjaan		2008			
		Belanjawan Asal	Belanjawan Disemak	Sebenar	% Belanjawan
		RM	RM	RM	
JUMLAH	BAHAGIAN KESIHATAN DAN PEMBANGUNAN INDUSTRI TERNAKAN	575,000.00	561,000.00	521,858.31	93.02
	PEJABAT PERKHIDMATAN VETERINAR DAERAH-DAERAH				
	Emolumen	235,000.00	235,000.00	232,187.95	98.80
	Perkhidmatan Dan Bekalan	100,790.00	93,390.00	91,350.95	97.82
JUMLAH	PEJABAT PERKHIDMATAN VETERINAR DAERAH-DAERAH	335,790.00	328,390.00	323,538.90	98.52
JUMLAH	JABATAN PERKHIDMATAN HAIWAN	1,490,000.00	1,538,700.00	1,385,332.46	90.03
	JABATAN PENGALIRAN DAN SALIRAN				
	BAHAGIAN OPERASI				
	Emolumen	2,699,500.00	2,699,500.00	2,627,246.06	97.32
	Perkhidmatan Dan Bekalan	1,683,500.00	1,683,500.00	1,656,381.03	98.39
	Aset	116,000.00	116,000.00	104,672.84	90.24
	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	1,000.00	1,000.00	0.00	0.00
JUMLAH	BAHAGIAN OPERASI	4,500,000.00	4,500,000.00	4,388,299.93	97.52
	BAHAGIAN PENGALIRAN DAN SALIRAN				
	Emolumen	493,400.00	493,400.00	490,566.83	99.43
	Perkhidmatan Dan Bekalan	612,600.00	612,600.00	588,456.97	96.06
JUMLAH	BAHAGIAN PENGALIRAN DAN SALIRAN	1,106,000.00	1,106,000.00	1,079,023.80	97.56
	BAHAGIAN KEJUTERAAN SUNGAI DAN PANTAI				
	Emolumen	631,100.00	631,100.00	530,470.13	84.05
	Perkhidmatan Dan Bekalan	693,900.00	693,900.00	676,395.17	97.48
JUMLAH	BAHAGIAN KEJUTERAAN SUNGAI DAN PANTAI	1,325,000.00	1,325,000.00	1,206,865.30	91.08
JUMLAH	JABATAN PENGALIRAN DAN SALIRAN	6,931,000.00	6,931,000.00	6,674,189.03	96.29
	JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA				
	BAHAGIAN PENTADBIRAN				
	Emolumen	266,300.00	266,300.00	239,782.17	90.04
	Perkhidmatan Dan Bekalan	94,710.00	94,710.00	88,792.14	93.75
	Aset	94,840.00	94,840.00	93,597.84	98.69
JUMLAH	BAHAGIAN PENTADBIRAN	455,850.00	455,850.00	422,172.15	92.61

Maksud Perbelanjaan	2008			
	Belanjawan Asal	Belanjawan Disemak	Sebenar	% Belanjawan
	RM	RM	RM	
BAHAGIAN TEKNIK				
Emolumen	341,300.00	341,300.00	339,322.89	99.42
Perkhidmatan Dan Bekalan	19,840.00	19,840.00	13,577.30	68.43
Aset	10.00	10.00	0.00	0.00
JUMLAH BAHAGIAN TEKNIK	361,150.00	361,150.00	352,900.19	97.72
JUMLAH JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA	817,000.00	817,000.00	775,072.34	94.87
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT				
BAHAGIAN PENTADBIRAN AM				
Emolumen	257,000.00	266,825.00	258,602.55	96.92
Perkhidmatan Dan Bekalan	130,000.00	130,000.00	97,777.04	75.21
Aset	11,000.00	11,000.00	10,520.00	95.64
Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	3,000,000.00	3,000,000.00	2,998,802.60	99.96
JUMLAH BAHAGIAN PENTADBIRAN AM	3,398,000.00	3,407,825.00	3,365,702.19	98.76
BAHAGIAN PENTADBIRAN LUAR				
Emolumen	177,500.00	167,675.00	121,458.01	72.44
Perkhidmatan Dan Bekalan	68,500.00	68,500.00	65,450.10	95.55
